

|            |  |             |                     |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline   | Kuota haji Malaysia kekal 22,320 orang |             |                     |
| MediaTitle | Berita Harian                          |             |                     |
| Date       | 29 Mar 2016                            | Color       | Full Color          |
| Section    | Nasional                               | Circulation | 125,514             |
| Page No    | 12                                     | Readership  | 947,000             |
| Language   | Malay                                  | ArticleSize | 132 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                                    | AdValue     | RM 4,533            |
| Frequency  | Daily                                  | PR Value    | RM 13,599           |



# Kuota haji Malaysia kekal 22,320 orang

**Kuantan:** Kuota haji Malaysia bagi tahun ini kekal seramai 22,320 jemaah, susulan langkah kerajaan Arab Saudi menaik taraf kawasan persekitaran Masjidilharam, Makkah.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji (TH), Tan Sri Ismee Ismail (**gambar**), berkata kuota itu dilaksana berdasarkan perkiraan pihak berkuasa Arab Saudi yang mengambil kira kepentingan keselamatan jemaah sepanjang musim haji.



“Ini bermakna kuota 22,320 jemaah Malaysia sejak tiga tahun lalu masih kekal. Saya yakin keputusan ini berdasarkan faktor keselamatan dengan keadaan dan kerja pembangunan yang masih berjalan di Masjidilharam.

## Sudah edar surat tawaran

“Setakat ini pemilihan jemaah haji dilakukan seperti tahun sebelumnya dengan mendahuluikan mereka yang mendaftar awal, manakala surat tawaran pusingan pertama juga sudah dihantar kepada mereka yang layak,” katanya pada sidang media selepas majlis penyerahan zakat perniagaan korporat di Istana Abdulaziz di sini, semalam.

Pada majlis itu, Ismee yang mewakili TH, menyerahkan zakat perniagaan sebanyak RM2,780,235.93 kepada Yang Dipertua Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Pahang (MUIP), Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah.

Tengku Abdullah yang juga Tengku Mahkota Pahang, turut menerima zakat perniagaan daripada TH Plantations Berhad berjumlah RM504,987 yang diwakili Pengarah Perladangannya, Radin Rosli Radin Suhadi.

Yang turut hadir, Timbalan Yang Dipertua MUIP Datuk Seri Wan Abdul Wahid Wan Hassan dan Pengurus Besar Pusat Kutipan Zakat (PKZ) Pahang, Datuk Halil dan Md Daud.